

Konflik Diri dan Citra Wanita dalam Teks Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu (*The Self-Conflict and Female Image in Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*)

Norazimah Zakaria^{1*}, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

*Pengarang Koresponden: norazimah@fbk.upsi.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.32>

Abstrak: *Salah satu daripada teks magnum opus Melayu iaitu Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin merupakan sebuah karya historiografi Melayu. Sulalatus Salatin bukan sahaja merakam susur galur keturunan raja-raja Melayu tetapi mempunyai banyak peristiwa dan kisah watak wanita di dalamnya. Citra wanita merupakan salah satu tajuk yang menarik untuk dikaji kerana watak-watak ini mengalami pelbagai konflik kerana sistem feodal yang mendasari pengkisahan teks ini. Citra watak wanita boleh dilihat melalui unsur konflik yang dialami mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti watak-watak yang mengalami pertembungan konflik diri dan kedua menganalisis konflik diri watak wanita pilihan melalui teori psikoanalisis. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian kepustakaan dan analisis kandungan teks digunakan sebagai medium untuk menganalisis citra wanita melalui konflik diri yang dialami watak-watak wanita tersebut. Teori psikoanalisis aliran Freud ini akan digunakan bagi menghuraikan pelbagai jenis konflik diri yang dialami watak wanita yang diketengahkan oleh pengarang dalam teks Sulalatus Salatin. Hasil kajian memperlihatkan konflik diri watak wanita itu berdasarkan prinsip struktur personaliti manusia yang mempunyai tiga elemen yang diperkenalkan oleh Freud iaitu id, ego dan superego. Kesimpulan daripada analisis kajian menunjukkan citra wanita pada zaman feodal amat berbeza dengan citra wanita pada zaman kini dan setiap daripada watak wanita tersebut mengalami konflik diri yang pelbagai sehingga ada yang mampu mengundang kejatuhan sesebuah sistem politik negara.*

Kata kunci: wanita, citra wanita, psikoanalisis, konflik diri, freud

Abstract: *The magnum opus text in Malay culture, Sejarah Melayu or Sulalatus Salatin, is a work of Malay historiography. The text is a record of the lineage of Malay rulers as well as contains many events and stories of female characters. The female image is indeed an interesting topic to be analysed as the female characters have faced various conflicts due to the feudal system which forms the background for the text. The female image can be seen from the element of conflict which is experienced by the female characters. The main objective of this study was to identify the characters who had experienced self-conflict while the second objective was to analyse the selected characters' self-conflict using the psychoanalysis theory. This was a qualitative study employing library research and content text analysis as the medium for analysing the female image through the self-conflicts experienced by the female characters. Freud's psychoanalysis theory was utilised to describe the various self-conflicts*

experienced by the female characters as described by the author in Sulalatus Salatin. The findings revealed that the female characters 'self-conflicts were based on the principles of human personality structure which consisted of the three elements introduced by Freud: id, ego dan superego. The conclusion from the analysis showed that the female image during the feudal age was very different from the female image in the current era and each of the female characters had multiple self-conflicts to the extent of causing the downfall of a national political system.

Keywords: women, the female image, psychoanalysis, self-conflict, Freud.

1. Pengenalan

Razali Mat Zain (1989) menyatakan bahawa konflik merupakan lumrah kepada seseorang atau sesebuah organisasi. Konflik membawa pengertian pertentangan, tiada persetujuan, kontroversi yang berlarutan antara dua pihak atau lebih yang mana kadangkala membawa kepada tidak mempunyai persetujuan sehingga ke akhirnya. Konflik juga mampu mewujudkan kerenggan yang tidak berkesudahan kerana masing-masing ingin memenangi suatu keadaan.

Manakala, Mohd Makzan Musa (1997) menjelaskan konflik mempunyai kebaikan yang tersendiri. Apabila teretusnya konflik, ia dapat merangsang perubahan dan inovasi. Konflik di antara kelompok boleh meningkatkan ketaatan, motivasi dan prestasi di dalam kelompok itu. Begitu juga konflik yang berlaku pada diri sendiri akan membolehkan seseorang itu menjadi lebih matang. Oleh kerana konflik jiwa boleh mendatangkan kebaikan maka ia perlu diuruskan dengan sewajarnya walaupun dalam kalangan individu terdapat perbezaan bagaimana konflik harus diselesaikan.

Fatimah Daud dalam bukunya Pengenalan Teori-Teori Sosiologi (1992) menerangkan konflik membawa maksud perselisihan faham atau pendapat dan salah faham serta tidak muafakat dalam melakukan sesuatu. Konflik merupakan perkara biasa yang wujud dalam sesuatu keadaan yang tidak dapat dielakkan berkaitan dengan kewujudan manusia dan organisasi terperangkap di antara dua keadaan atau matlamat yang boleh dicapai tanpa mengetepikan pihak yang lain. Oleh itu, kewujudan konflik mestilah diselesaikan dengan kaedah dan alternatif yang terbaik supaya tidak berpanjangan dan memberikan kesan negatif kepada seseorang.

Melalui teks *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* terdapat tiga watak wanita yang telah dikenal pasti menghadapi konflik jiwa iaitu watak Tun Teja, Tun Kudu dan Tun Fatimah. Ketiga-tiga watak wanita ini merupakan watak yang cukup dikenali di dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*. Ketiga-tiga watak wanita tradisi ini digambarkan di dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* sebagai wanita yang memiliki rupa paras yang cantik sehinggakan menjadi pujaan masyarakat ketika itu kerana kecantikannya. Nama Tun Teja, Tun Fatimah dan Tun Kudu ini merupakan nama-nama yang cukup terkenal pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hal demikian kerana ketiga-tiga wanita ini mempunyai kisah yang penuh dengan suka dan duka serta berjiwa besar.

Konflik jiwa golongan wanita dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* ini mencakupi pelbagai bidang untuk dikaji secara mendalam. Dalam kajian ini, watak-watak wanita yang menghadapikonflik jiwa menerusi *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* akan dikenal pasti. Konflik yang dihadapi oleh watak-watak wanita di dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*

ini akan dianalisis untuk mengetahui jenis konflik yang dilalui oleh watak sehingga menyebabkan berlakunya konflik jiwa dengan menggunakan teori Psikoanalisis.

2. Ulasan Kajian Lepas

Mawar Safei (1995) dalam kajiannya bertajuk *Tendensi Personaliti dalam Cerpen Anwar Ridhwan* menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi membuat perbandingan antara novel-novel Anwar Ridhwan dengan novel-novel Dharmala NS dari sudut psikologi. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis tiga kumpulan cerpen Anwar Ridwan, iaitu Parasit (1976), Sesudah Perang (1978) dan Sangkar (1986) menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Keistimewaan kajian Mawar Safei, ialah analisis dilakukan terhadap watak dan perwatakan dijelaskan dengan terperinci menggunakan Teori Psikoanalisis bagi menerangkan sesuatu maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang. Analisis kajian yang dilakukan oleh Mawar Safie mendapati bahawa pengarang menggunakan objek-objek fizikal di persekitaran sebagai lapisan tersurat yang mengandungi maksud tersirat yang dianalisis menggunakan pendekatan Teori Psikoanalisis Freud.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2005) telah melakukan kajian bertajuk *Novel-novel Hamzah Hussain: Kajian Watak Dari Sudut Psikologi*. Penelitiannya terhadap semua novel Hamzah Hussain, iaitu *Rumah Itu Dunia Aku* (1951), *Pemburu Pulang Ke Rumah* (1953), *Samseng* (1956), *Rumah Kosong* (1956) dan *Hujan Air Mata* (1958) menggunakan empat Teori Psikologi yang dikemukakan oleh Sigmund Freud, Karen Horney, Carl Jung dan Alfred Adler. Kajian ini menghuraikan konflik jiwa yang dihadapi oleh watak-watak dalam teks kajian berhubung kehidupan yang dijalani. Konflik jiwa yang dialami oleh watak-watak dianalisis melalui aksi dalaman dan luaran. Kajian yang dilakukan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali telah meneliti unsur psikologi dalam novel-novel Hamzah Hussain melalui watak-watak dalam novel tersebut.

Melalui kajian ini, didapati bahawa setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai kaitan dengan kehidupan, alam persekitaran dan pengalaman hidup pengarang. Karya sastera yang dihasilkan oleh seseorang pengarang dapat memberi kesan yang bermakna kerana unsur-unsur yang terhasil dalam sesebuah karya itu mengandungi gambaran tentang kehidupan dan masyarakat (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2005).

Yusrinawati Yusof telah membuat satu kajian yang bertajuk *Konflik Wanita Dalam Novel Hujan Sudah Teduh karya Zaharah Nawawi* berdasarkan teori Psikoanalisis aliran Freud. Kajian ini memaparkan konflik yang dialami oleh watak wanita dalam novel *Hujan Sudah Teduh* karya Zaharah Nawawi. Novel ini mempunyai jalan cerita yang berkisar tentang permasalahan atau konflik yang dialami oleh wanita. Kajian ini menilai konflik wanita dalam karya novel tersebut dengan berpandukan teori Psikoanalisis Freud. Teori ini akan membantu menghuraikan konflik wanita yang diketengahkan oleh pengarang dalam teks kajian. Objektif kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti konflik wanita dalam novel *Hujan Sudah Teduh* karya Zaharah Nawawi dan seterusnya pengkaji akan menghubungkan konflik wanita ini dengan persoalan persoalan lain.

Justeru, konflik watak wanita secara dasarnya boleh ditelusuri melalui teori Psikoanalisis kerana konflik yang dialami mereka boleh diperhalusi melalui gambaran atau citra watak yang terdapat dalam karya sastera.

3. Perbincangan dan Kesimpulan

Teori Psikoanalisis Freud

Sigmund Freud adalah seorang tokoh psikologi ternama, yang pertama kali mengembangkan teori Psikoanalisis. Teori Psikoanalisis adalah salah satu teori yang paling terpengaruh terutamanya dalam bidang antropologi dan sosiologi. Bahkan penggunaannya dapat ditemui dalam pelbagai kehidupan seharian. Psikoanalisis memerlukan interaksi verbal yang cukup lama dengan pesakit iaitu watak, untuk menggali kehidupan peribadinya yang paling dalam.

Pengalaman Freud menangani para pesakit banyak memberikan inspirasi kepadanya untuk menyusun teori Psikoanalisisnya. Pengembangan teorinya juga didukung oleh penelahan terhadap konflik-konflik dan waktu-waktu kecemasan pernah yang dialaminya sendiri. Teori Psikoanalisis juga memperkenalkan konsep ketidaksedaran sebagai sebahagian daripada personaliti atau keperibadian dimana keinginan-keinginan, impuls-impuls dan konflik-konflik yang dapat mempunyai pengaruh langsung pada tingkah laku. Pada dasarnya tingkah laku individu dipengaruhi atau dimotivasi oleh kesedaran ataupun ketidaksedaran.

Freud mengemukakan beberapa unsur Id, Ego dan Superego. Ketiga-tiga unsur inilah yang sentiasa memerangkap manusia dalam situasi “berkonflik” dalam dirinya. Dalam keadaan Id dihalang oleh mungkin bersifat seperti nafsu atau emosi tidak sedar. Walau bagaimanapun kehendak Id dihalang oleh Ego. Ego dalam situasi ini bertindak sebagai penapis kepada setiap keinginan atau kemahuan. Akibat halangan inilah maka tercetusnya komplikasi dalaman yang disebut neurosis (Yurni & Nelson, B, 2003).

Freud menjelaskan bahawa id, ego dan superego sering berbalah tidak setuju antara satu sama lain. Sekiranya penyelesaian masalah dapat dicapai dengan segera, tiada masalah timbul pada ego. Ada kalanya id, ego dan superego tidak dapat menyelesaikan masalah dengan segera dan ini menimbulkan kebimbangan pada id. Id perlukan mekanisme bela diri untuk menangani rasa tidak selesa. Mekanisme bela diri berlaku bagi menjaga pembentukan ego yang sedia ada dalam pengalaman seorang individu. Berdasarkan beberapa prinsip yang telah dikemukakan dalam teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud, kajian ini telah memilih untuk menggunakan prinsip struktur keperibadian atau dikenali sebagai personaliti manusia bagi menganalisis konflik jiwa yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*. Kelebihan prinsip ini ialah ia dapat menghubungkan personaliti id, ego dan superego berdasarkan tindakan watak-watak yang terlibat dalam sesuatu perkara.

Berdasarkan *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*, terdapat tiga watak wanita yang digambarkan menghadapi konflik jiwa. Watak-watak ini ialah Tun Kudu, Tun Teja dan Tun Fatimah. Menyingkap sejarah zaman kesultanan Melayu Melaka, Tun Fatimah, Tun Kudu dan Tun Teja menjadi sebutan pada masa itu sebagai simbol keteguhan cinta, pendirian dan pengorbanan. Mereka juga dianggap penting dalam mempengaruhi kestabilan, ketenteraman dan keamanan dalam Kesultanan Melayu Melaka. Kecantikan yang dimiliki oleh Tun Kudu, Tun Fatimah dan Tun Teja telah menyebabkan berlakunya pergolakan semasa zaman pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. Keindahan rupa paras yang dimiliki oleh ketiga-tiga wanita ini menyebabkan perubahan yang besar pada ketika itu.

Tun Kudu

Keindahan pada kecantikan Tun Kudu dapat digambarkan seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Maka ada anak Bendahara Seri Wak Raja tiga orang, yang tua sekali perempuan yang muda keduanya laki-laki. yang perempuan itu Tun Kudu namanya, terlalu baik parasnya, maka diperisteri oleh Sultan Muzaffar Syah. Adapun anaknya yang tengah itu Tun Perak namanya, yang bongsu Tun Perpatih Putih namanya (*Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*).

Berdasarkan petikan berikut, Tun Kudu merupakan puteri Bendahara Seri Wak Raja dikatakan begitu elok rupa parasnya meskipun sedikit juling matanya sehingga menarik minat Sultan Muzaffar Syah dan telah diperisterikannya. Perebutan kuasa, permainan politik dalam istana dan barisan pembesar memainkan peranan dalam mewarnai alam pensejarahan Melayu. Namun, dalam percaturan tersebut sudah semestinya ada yang menjadi korban terutamanya golongan yang lemah seperti wanita. Justeru, untuk mengelakkan persengketaan yang lebih dahsyat, wanita sering menjadi galang gantinya demi menamatkan pergolakan politik yang melanda. Sebagai contohnya ialah Sultan Muzaffar Syah menceraikan Tun Kudu dan menikahkannya dengan Bendahara Seri Nara Diraja Tun Ali. Maka, Tun Kudu telah melakukan sebuah pengorbanan sehingga akhirnya Tun perak telah dilantik sebagai Bendahara dengan gelaran Bendahara Paduka Raja. Manakala, Bendahara Seri Nara Diraja Tun Ali pun berkahwin dengan Tun Kudu. Beliau sanggup bersara tetapi dengan syarat Tun Kudu menjadi isterinya. Pengorbanan Tun Kudu inilah yang menyelesaikan krisis politik di Melaka meskipun peristiwa tersebut sudah pasti menghiris perasaan kaum wanita seperti Tun Kudu yang begitu menyayangi kebahagiaan sesebuah rumah tangga.

Konflik jiwa yang dialami oleh Tun Kudu tergolong dalam personaliti superego iaitu alam prasadar atau separa sadar. Ini menepati teori Psikoanalisis yang diperkenalkan oleh Freud bahawa tahap prasadar tergolong dari keadaan pemikiran yang berkaitan dengan perasaan, pemikiran kita yang boleh dipanggil secara “swadiri” supaya dapat dirasai kenyataannya dalam keadaan sadar. Sungguhpun pada asalnya perasaan, pemikiran itu tidak merupakan sebahagian dari tahap sadar tadi. Konflik yang melanda Tun Kudu ini berlaku kerana dirinya dikuasai oleh superego.

Superego lebih menyerupai hati nurani atau seseorang individu. Superego merupakan akar tunjang dari aspek peneguhan moral yang baik. Superego merupakan komponen sosial yang berprinsipkan moral yang dikawal oleh tingkah laku seiring dengan kehendak masyarakat. Manusia harus melalui proses sosialisasi yang telah diwujudkan. Sekiranya ingkar, individu tersebut akan mengalami kecelaruan yang boleh merosakkan peraturan-peraturan dalam pembentukan disiplin diri, institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Pengorbanan yang dilakukan oleh Tun Kudu merupakan suatu pengorbanan yang besar dalam pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. Hal demikian kerana, Tun Kudu telah dengan secara rela mengorbankan diri dan hati demi menamatkan pergolakan yang berlaku. Meskipun kecewa dengan keputusan sultan untuk menceraikannya. Namun begitu, Tun Kudu tetap bersetuju demi menjamin keselamatan dan ketenteraman sebuah kerajaan daripada berlakunya persengketaan dan perbalahan yang berterusan.

Tun Fatimah

Selanjutnya, watak wanita yang terdapat di dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* ini ialah watak Tun Fatimah. Beliau juga turut di gambarkan terlalu elok parasnya sehinggakan sultan Melaka ketika itu iaitu Sultan Mahmud Syah termimpi-mimpi akan kecantikan Tun Fatimah. Beliau begitu ingin sekali memperisterikan Tun Fatimah dengan cara apa sekali pun. Hal demikian dapat dilihat melalui petikan berikut:

Setelah Sultan Mahmud melihat rupa Tun Fatimah maka baginda pun terlalu hairan. maka teringinlah rasa Sultan Mahmud Syah akan Tun Fatimah. Maka baginda berkata dalam hatinya, “Jahatnya Pa’ Mutahir ini, demikian baik anaknya tiada ditunjukkannya kepada kita” (*Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*).

Melalui petikan di atas anak perempuan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, yang bernama Tun Fatimah dikhabarkan adalah seorang yang amat cantik dan jelita. Tun Mutahir mengahwinkan Tun Fatimah dengan saudara terdekatnya yang bernama Tun Ali dan Sultan Mahmud Syah yang pertama kali menatap wajah Tun Fatimah di majlis perkahwinan telah jatuh hati dengan Tun Fatimah. Dek kerana terpukau dengan kecantikan yang dimiliki oleh Tun Fatimah, Sultan Mahmud menjadi marah dan berdendam dengan Tun Mutahir kerana tidak menunjukkan anak perempuannya yang cantik itu terlebih dahulu kepadanya dan mengahwinkannya dengan Tun Ali. Akibatnya, bermula dengan perasaan tidak puas hati, diikuti dengan peristiwa fitnah, ekoran daripada fitnah tersebut maka suami, ayahanda Tun Fatimah telah dihukum bunuh oleh sultan.

Tun Fatimah mengalami kekecewaan terhadap keputusan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud Syah. Keadaan yang dialami oleh Tun Fatimah akibat kehilangan insan-insan tersayang dan juga hidup bersendirian tanpa dikelilingi oleh ahli keluarganya, Tun Fatimah sering terkenang akan ahli keluarganya yang telah meninggalkan dirinya. Petikan di berikut memperlihatkan akan rasa sunyi di hati Tun Fatimah tatkala mengalami kemelut rindu yang mengamit memori.

Akibat sifat hasad dengki Raja Mendaliar dan Kitul dalam merebut kuasa, dilempar dengan pelbagai fitnah terhadap ahli keluarganya namun Tun Fatimah tetap menghadapi dengan tenang serta tabah melayari kehidupan biarpun pelbagai ranjau dugaan penuh kesabaran, keinsafan, bermuhasabah diri dan tidak pernah putus harapan. Tun Fatimah jelas menunjukkan sikapnya yang berjiwa kental iaitu dia merupakan seorang wanita yang tidak mudah menyerah kalah kerana beliau mengambil keputusan dengan mengahwini Sultan Mahmud Syah demi menuntut bela di atas kematian ahli keluarga serta suaminya.

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa perasaan kecewa yang ditonjolkan oleh watak wanita iaitu Tun Fatimah adalah secara sederhana dan tidak berlebihan ini membuktikan bahawa personaliti diri Tun Fatimah masih dalam keadaan sedar akan realistik. Walau bagaimanapun, perasaan kecewa yang berlebihan boleh menyebabkan kekuatan iman atau prinsip seseorang itu goyah sehinggakan menyebabkan personaliti id lebih berkuasa daripada superego dan membuatkan personaliti ego terpaksa menurut.

Tun Fatimah merupakan salah satu watak wanita yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* yang terpaksa menerima apa sahaja keputusan dan tidak boleh membantah dengan keputusan yang telah dilakukan kerana sudah menjadi adat Melayu di mana perlu mendahulukan Sultan dalam apa jua perkara. Perkahwinan Tun Fatimah dan Tun Ali akhirnya musnah dan dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* menonjolkan konflik jiwa yang dilalui oleh Tun Fatimah. Pergolakan jiwa yang dirasai oleh Tun Fatimah akhirnya menemui kata putus apabila beliau bertindak untuk menurut kata sultan kerana ingin menuntut bela di atas kematian ahli keluarga serta suaminya. Konflik jiwa yang dihadapi oleh watak Tun Fatimah akhirnya mencapai tahap kemuncak apabila beliau bertindak di luar jangkaan dengan menggugurkan kandungannya sebagai tanda protes terhadap tindakan Sultan Mahmud Syah yang terlalu mengikut perasaan dalam membuat keputusan sehingga mengorbankan ahli keluarga serta suaminya yang tidak bersalah.

Konflik jiwa Tun Fatimah ini tergolong dalam personaliti id dimana perasaan sedih, kecewa dan duka yang berlebihan dialami oleh Tun Fatimah sehingga menyebabkan beliau telah melakukan tindakan di luar sedarnya. Personaliti ego mula terbentuk apabila Tun Fatimah yang akhirnya kembali ke alam sadar dan realitinya apabila beliau berfikir waras atau logik bersetuju dengan tindakan Sultan untuk menaikkan anak lelakinya sebagai pengganti kesultanan Melayu Melaka setelah kemangkatan Sultan Mahmud Syah kerana itulah kemahuannya. Ini membuktikan personaliti ego lebih menguasai diri watak apabila watak masih mampu untuk berfikiran logik dan mampu untuk mengimbangi tuntutan id.

Justeru beliau menggugurkan anak dalam kandungan semasa menjadi isteri Sultan Mahmud menandakan satu perbuatan berani dan merupakan satu protes terhadap suami, juga merupakan seorang raja. Tindakan beliau itu juga tidak sia-sia kerana dengan itu dia dapat memastikan bakal Sultan Melaka kelak adalah daripada darah dagingnya. Itu dipersetujui oleh Sultan Mahmud Syah sebagai syarat agar Tun Fatimah tidak lagi menggugurkan anak mereka.

Tun Teja

Akhir sekali, watak wanita seterusnya yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* ialah watak Tun Teja. Seperti watak yang lain sebelumnya iaitu Tun Kudu dan Tun Fatimah, Tun Teja juga merupakan watak wanita yang tersohor ketika zaman kesultanan Melayu Melaka yang menjadi perhatian masyarakat pada ketika itu kerana keelokkan paras wajahnya dan peribadinya yang membuatkan beliau terkenal dan namanya diletakkan sebaris dengan nama Tun Kudu dan Tun Fatimah yang merupakan wanita yang memainkan peranan dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* di Melaka.

Berdasarkan petikan dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* tersebut Tun Teja Ratna Benggala atau lebih dikenali dengan panggilan Tun Teja adalah merupakan anak perempuan tunggal Bendahara Seri Amar Diraja Pahang. Tun Teja yang datangnya daripada golongan bangsawan, dikatakan mempunyai rupa paras yang begitu cantik sekali dan menjadi sebutan ramai di negeri Pahang pada ketika itu. Sehingga terdapat pantun yang membuktikan kecantikan Tun Teja itu benar-benar menakjubkan seperti yang terdapat pada petikan di bawah:

Tun Teja Ratna Benggala, Pandai membelah lada sulah, Jika tuan tidak percaya, Mari bersumpah kalam Allah (*Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*).

Begitulah bunyi pantun yang dipersembahkan oleh Hang Nadim kepada Tun Teja, anak Bendahara Pahang yang cantik jelita. Pantun empat kerat ini cukup sinonim dengan tokoh wanita ulung dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* iaitu Tun Teja atau nama sebenarnya Tun Teja Ratna Benggala. Walau bagaimanapun beliau telah ditunangkan terlebih dahulu dengan Putera Mahkota negeri Pahang iaitu Raja Jamil. Cerita mengenai kecantikan Tun Teja bukan sahaja berkisar di negeri Pahang tetapi telah sampai ke Melaka yang pada masa itu diperintah oleh Sultan Mahmud Shah, putera kepada Sultan Alauddin Riwayat Shah.

Kecantikan Tun Teja telah menimbulkan konflik luaran di mana telah timbulnya konflik dalam mendapatkan Tun Teja untuk diperisterikan oleh Sultan Mahmud Shah. Tun Teja telah dipujuk oleh Hang Nadim lalu dibawanya lari ke Melaka. Hang Nadim yang merupakan Laksamana Melaka. Hang Nadim telah pergi ke Pahang dengan niat untuk bertemu dan membawa lari Tun Teja untuk dipersembahkan kepada Sultan Melaka. Sesampainya Hang Nadim di Pahang, beliau telah mula menjalin hubungan rapat dengan kalangan orang istana supaya tiada siapa mencurigai niatnya untuk mendapatkan Tun Teja untuk dibawa lari ke negeri Melaka. Hang Nadim akhirnya berjaya bertemu dan menjalin hubungan dengan Tun Teja. Hang Nadim telah

menceritakan kepada Tun Teja tentang ketampannya rupa paras Sultan Mahmud dan kegagahan kerajaan Melaka. Tun Teja yang termakan pujuk itu akhirnya bersetuju untuk mengikut Hang Nadim lari pulang ke Melaka. Hang Nadim telah membuat perancangan rapi untuk melarikan Tun Teja ke Melaka.

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat bahawa Hang Nadim telah merancang dengan sebaiknya untuk membawa Tun Teja lari ke Melaka. Konflik luaran yang dapat dilihat ialah Tun Teja mengalami kecelaruan apabila beliau sendiri terpaksa berkorban meskipun hatinya tidak merelakan.

Kesimpulan

Dalam makalah ini, teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud digunakan sebagai landasan untuk menghuraikan lebih mendalam isi kajian. Dengan menggunakan teori yang bersesuaian iaitu teori Psikoanalisis, kajian ini akan dapat menganalisis konflik-konflik jiwa watak-watak wanita dalam *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu* ini lalu objektif kajian akan tercapai serta menjawab persoalan kajian yang dinyatakan. Konflik jiwa ialah permainan fikiran dalaman yang berada dalam minda. Konflik banyak diceritakan atau diutarakan melalui perlakuan watak secara monolog luaran atau monolog dalaman. Konflik wujud apabila adanya perasaan tidak puas hati dan gangguan fikiran yang mengganggu emosi. Konflik biasanya dialami oleh setiap insan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini watak-watak wanita dipilih sebagai watak utama untuk menganalisis konflik yang dialaminya.

Acknowledgement

This research has been carried out under Fundamental Research Grants Scheme (2020-0246-107-02 (FRGS/1/2020/SSI0/UPSI/02/43) provided by Ministry of Education of Malaysia. The authors would like to extend their gratitude to Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) that helped managed the grants.

Rujukan

- Ab. Rahman Ab. Rashid et. al. (2000). *Kamus Sastera Melayu Terkini*. Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Aziz, N. S. A., & Zakaria, N. (2021). "Kajian Awal Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Multimedia Dalam Pembelajaran Teks *Sulalatus Salatin*" in *Journal of Modern Education*, 3(8), 167-181. DOI: 10.35631/IJMOE.380014
- Fatimah Daud. (1992). *Pengenalan Teori-Teori Sosiologi*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti
- Freud & Danarto, A. (2002). *Peradaban dan kekecewaan-kekecewaan*. Yogyakarta: Penerbit Jendela.
- Freud & Winarno. (2002). *Kenangan masa kecil Leonardo da Vinci*. Yogyakarta: Jendela.
- Freud. (2001). *Tafsir mimpi*. Yogyakarta: Penerbit Jendela.
- Fromm & Danarto, A. (2002). *The art of listening: Kritik atas psikoanalisis Sigmund Freud*. Yogyakarta: Jendela.
- Haron Daud. (1989). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur Dewan Pustaka dan Bahasa.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kamus Sastera Melayu Terkini*. Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2008). Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mawar Safei. (1995). *Tendensi Personaliti dalam Cerpen Anwar Ridhwan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Jabatan Persuratan Melayu
- Mana Sikana. (1998). *Asas Menganalisis Sastera*. Shah Alam: Fajar Bakti.

- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (2015). *Membina Kesarjanaan Sastera*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2015). *Koleksi Teori Sastera*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mohd Makzan Musa. (1997). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Lajiman Janoory, Mohd Amir Mohd Zahari and Abdul Halim Ali. (2021). "Author's Ethics In The Writing Of Traditional Malay Literature" in *Psychology And Education*, 58(2): 2497-2506
- Razali Mat Zin. (1989). *Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Zahidah Zakaria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2015). "Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak" dlm *Pendeta Jurnal Bahasa, Pendidikan Sastera Melayu*. Vol. 5, issue 1.
- Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. (1986). A Samad Ahmad (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali. (2005). *Novel-novel Hamzah Hussain: Kajian watak dari sudut psikologi*. Disertasi sarjana tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Yusrinawati Yusof (2009). *Konflik Wanita Dalam Novel Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi Berdasarkan Teori Psikoanalisis Aliran Freud*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yurni & Nelson, B. (2003). *Freud: Manusia paling berpengaruh abad ke-20*. Surabaya: Ikon Teralitera.
- Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*. (1996). A.Samad Ahmad (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zakaria, Norazimah et al. (2018). "Sejarah Melayu Sebagai Lambang Tradisi Akal Budi Bangsa Yang Tinggi" dlm *Jurnal Melayu Sedunia*, [S.l.], v. 1, n. 1, p. 191 – 209, sep. ISSN 2637-0751. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/13389>
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, M., & Mohd, F. H. (2019). Mythical Elements Based on Traditional Malay Literature Text. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, (1997), 78–87. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.26007>
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Nur Farakhanna Mohd Rosli, Azhar Wahid and Ani Omar. (2020). "Malay Authors Strategies in Displaying the Intelligence of the Figures and Its Effects in Traditional Malay Literary Texts" in *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. www.ijicc.net Volume 11, Issue 5
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Alizah Lambri, Nordiana Hamzah and Normarini Norzan. (2019). "The Beauty And Benefits Of Proverbs As A Symbol Of The Mind" in *Journal of Advance Research in Dynamical & Control Systems*, Vol. 11, Special Issue-07
- Zakaria, N., & Hanapi, M. H. M. (2020). "Keindahan Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu". *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 01-12. DOI: 10.35631/IJMTSS. 312001
- Zakaria, N., Hanapi, M. H. M., Zahari, M. A. M., & Junaidi, R. (2021). "Ruang Lingkup Unsur Alam Dalam Mantera Melayu Dari Aspek Simbol Dan Makna" in *International Journal of Creative Industries*, 3 (6), 42-59. DOI: 10.35631/IJCREI.36004.
- Zakaria, N., Hanapi, M. H. M., & Abdullah, S. F. L. (2021). "Akhlah Pemimpin Berdasarkan Teks Sulalatus Salatin" in *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (14), 16-27. DOI: 10.35631/IJHPL.414002.